

Headline	McDonalds 25th Anniversary (McDonald s sambut ulang tah...		
Date	26. Mar 2007	Language	MALAY
Media Title	Harian Metro	Page No	25
Section	Setempat	Article Size	186 cm2
Circulation	172903	Frequency	Daily
Readership	605160	Color	Full Color



McDonald's sambut ulang tahun ke-25

RESTORAN makanan segera McDonald's yang mula beroperasi di Malaysia sejak 1982 meraikan ulang tahun ke-25 dengan melancarkan logo khas '25 Years Young', baru-baru ini.

Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar, berkata sejak pembukaan restoran itu 25 tahun lalu, syarikat berkenaan memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara melalui peluang pekerjaan yang ditawarkan termasuk pembangunan sumber manusia.

"Kami membelanjakan lebih RM5 juta setiap tahun untuk latihan dan pembangunan pekerja.

"Malah, kami turut menyediakan peluang kepada pekerja untuk membina kerjaya bersama McDonald's menerusi pelan kejayaan dan pengurusan bakat pekerja," katanya pada majlis pelancaran logo khas McDonald's di Petaling Jaya. baru-baru ini.

Hadir sama meraikan majlis itu ialah penyanyi Anuar Zain bersama kanak-kanak yatim dari Rumah Ilham, Pinggir Taman Tun Dr Ismail.

Untuk meraikan ulang tahun yang ke-25 itu, pelbagai acara menarik disediakan McDonald's termasuk promosi dan tawaran menarik di restorannya di seluruh negara sepanjang April.

Selain itu, karnival 'Gaya Hidup Sihat dan Seimbang' akan diadakan pada Mei depan di Berjaya Times Square yang dijangka dapat menarik ribuan pengunjung bagi mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan pelanggan mereka.

Promosi gaya hidup sihat itu berdasarkan tiga inisiatif utama McDonald's iaitu memberi pilihan menu yang lebih banyak kepada pelanggan, menyediakan maklumat pemakanan yang lengkap dan membabitkan diri dalam aktiviti fizikal.

Sempena ulang tahun ke-25, McDonald's turut menganjurkan Majlis Makan Amal yang disertai Anuar Zain dan Ning Baizura.

Semua hasil kutipan amal akan disalurkan ke Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM).

Headline **McDonalds 25th Anniversary (McDonald s sambut ulang tahun ke-25)**
Date **26. Mar 2007**
Media Title **Harian Metro**



**CERIA...Anuar (kanan) menerima cenderamata
daripada Azmir.**